

Headline **Gerai MAM memikat**
Date **16 Oct 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **17**
Article Size **192 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,128**
PRValue **12,385**



Gerai MAM memikat

Fahrin Ahmad, Dayang Nurfaizah berkongsi maklumat HIV dengan pengunjung



KUALA LUMPUR: Gerai pameran Majlis Aids Malaysia (MAM) yang dibuka khusus untuk Perhimpunan Agung Umno ke-60, menarik perhatian pengunjung apabila dua artis yang dilantik sebagai Selebriti Sokongan Riben Merah muncul di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Kehadiran Fahrin Ahmad dan Dayang Nurfaizah masing-masing dilantik sebagai jurucakap selebriti bagi MAM sejak awal tahun ini, untuk berkongsi maklumat dengan pengunjung Karnival Kesihatan mengenai bahaya Aids dan HIV.

Meskipun kebanyakan pengunjung, lebih-lebih lagi Wanita dan Puteri hadir untuk bergambar bersama dua ikon seni itu, mereka sempat didedahkan maklumat penting pencegahan virus berbahaya itu daripada terus menular dalam masyarakat.

Fahrin berkata, dia tidak keberatan menghadiri jempukan MAM berikutan sedar tanggungjawabnya berat sejak dilantik selebriti sokongan, perlu menyedarkan masyarakat mengenai Aids dan HIV serta sokongan diperlukan untuk mangsa.

“Kehadiran saya di sini untuk memberi sokongan kepada MAM, malah menjadi tanggungjawab saya untuk menerangkan kepada masyarakat bahawa HIV dan Aids tidak merebak menerusi sentuhan, malah kita kena memberi sokongan kepada mangsa penyakit berbahaya ini,” katanya.

Headline **Gerai MAM memikat**
Date **16 Oct 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **17**
Article Size **192 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,128**
PRValue **12,385**



KEMPEN...sukarelawan MAM, Azrina Shireen Amin Nudin (kanan) bersama rakannya, Gunasegaran Suppiah mengadakan kempen kesedaran Aids.